

CERAH

AMIL JAYA





KK 893 - 1479 5201

Cetakan Pertama 1976  
Cetakan Pertama (Edisi Kedua) 1992  
© Ismail Abbas 1976

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Mengkatalog-dalam-  
Penerbitan

Amil Jaya, 1939-

Cerah : pemenang hadiah kedua sayembara menulis novel anjuran Badan Bahasa Sabah (BAHASA) 1973 / Amil Jaya.

ISBN 983-62-2615-X

I. Malay fiction. I. Judul. II. Badan Bahasa Sabah.  
899.233

Diatur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka  
Muka Taip Teks: Times Roman  
Saiz Taip Teks: 10/12 poin

Dicetak oleh  
Malindo Printers Sdn. Bhd  
Lot 3 Jalan Ragum, Seksyen 15/17  
40000 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
\$5.00

*Untuk ayah dan ibu,  
Dari cengkung mata kalian  
makanya  
aku kenal  
erti kehidupan*

## KANDUNGAN

1.	Subar Perlu Dikalahkan	1
2.	Kenduri	9
3.	Khabar dari Surau	18
4.	Hidup Anak-anak Muda	24
5.	Pesta Hari Jadi Noli	33
6.	Pertemuan di Anak Sungai	40
7.	Parang Panjang	49
8.	Subar di Lembah Marudu	57
9.	Lamaran	81
10.	Hamidon Pulang	92
11.	Kepercayaan	99
12.	Adat dan Tradisi	111
13.	Hilang	126
14.	Niat Terhalang	134
15.	Di Mahkamah Anak Negeri	137
16.	Protes	141
17.	Cerah	144



KANDUNGAN

1	Subur Puluh Dikalahkan	1
9	Kedua	2
18	Kisah dari Suran	3
24	Huang Anel-mak Mada	4
31	Pan Hat Jati Noli	5
40	Peterson di Anak Suran	6
49	Karang Pangran	7
57	Suar di Laman Mada	8
81	Laman	9
92	Si Sahan Pajang	10
99	Kecamatan	11
111	Wahai dan Tawar	12
128	Huang	13
134	Hat Tawar	14
137	Di Maham Anak Negeri	15
141	Wahai	16
144	Suran	17

1  
SUBAR PERLU DIKALAHKAN

HAJI Nadim amat marah. Mukanya merah. Nafasnya turun naik. Kencang. Macam pelumba yang baru menamatkan lari 100 meter. Dahinya berpeluh dingin. Dan daging-daging kurus yang membaluti tulang tangannya kelihatan menggeletar. Suhu kemarahannya begitu tinggi.

Ia mengepal-ngepal penumbuknya. Urat-urat kasar di tangannya kelihatan bercerancangan, macam akar pokok bakau di tepi laut. Penumbuk kanannya dihentakkan ke tangan kirinya. Ia mendengus seperti seekor ular yang melihat mangsanya. Ia melepaskan tumbukan untuk melepaskan geramnya yang memuncak itu.

Haji Nadim tidak pernah marah seperti ini sebelumnya. Selalu, bila ia marah tidak lama redanya, pun tidak sampai begitu tinggi suhunya. Kemarahan itu akan menurun sesudah ia melafazkan berpuluh-puluh astagfirullah al-azim untuk menghalau setan yang menggoda hati nuraninya.

Kali ini marahnya tidak demikian, pun belum ada tanda-tanda akan redanya kemarahan itu. Robiah isterinya tidak berani lagi mendekati suaminya. Hari ini ia begitu takut. Macam ia melihat singa saja lakunya. Lazimnya Robiah, isteri Haji Nadim, selalu memujuknya untuk meredakan kemarahan itu. Mujurlah tidak ada titik bengik yang boleh menambahkan lagi suhu kemarahan Pak Haji itu, bisik hati kecil Robiah.

Haji Nadim mundur-mandir di serambi rumahnya. Beberapa ekor ayam yang sedang mencakar tanah untuk mencari



makan memanjangkan leher untuk melihat tingkah tuannya. Ayam-ayam itu agaknya tahu juga yang tuannya sedang marah itu. Tapi beberapa jurus kemudian ayam-ayam itu kembali mencakar tanah untuk meneruskan usahanya.

“Sudah dikutuk Tuhan aku ni barangkali,” sungut hati kecil Haji Nadim sambil meneruskan langkahnya dari hujung ke hujung serambi rumahnya. “Tapi apa salahku?” Soalnya kembali. Soalan itu tidak berjawab dan fikirannya membalik-balikkan kelakuannya selama ini; adakah bertentang dengan perintah Tuhan. “Aku tidak pernah melanggar perintah Allah,” simpul fikirannya. Dan hatinya lega dengan kesimpulan yang didapatinya itu.

Haji Nadim memang takut sekali dengan dosa. Ia naik Haji dengan tujuan menyuci jasad dan rohaninya daripada dosa dan dia mengharapkan niatnya itu diperkenan oleh Allah subhanahu wataala. Kalau boleh ia tidak ingin ditemuduga oleh malaikat Munkar Nakir di dalam kubur dan ia tidak suka melihat muka malaikat Malik yang menjaga pintu Neraka. Padanya Neraka adalah dunia yang terlalu azab dan sengsara.

Lama berjalan dari sudut ke sudut serambi rumahnya Haji Nadim duduk. Kerusi usang yang dibelinya empat tahun dulu di majlis Tamu Besar di Kota Belud itu masih patuh menerima punggung kurusnya yang hanya mempunyai beberapa kati daging itu. Kerusi rotan itu berkeriut menerima hempas punggung kerdil itu.

Kakinya yang panjang kurus dan berbulu jarang-jarang itu agak lenguh sedikit kerana gerakan mundar-mandirnya tadi. Ia sapu peluh kecil di dahinya dengan kain pelekat cap gajah buatan India yang sudah lusuh warnanya agar segar sedikit rasa tubuh Tuan Haji itu.

Ia mengeluh buat beberapa ketika dan dari dadanya terasa sedikit kelegaan.

Angin dari banjaran Croker bertiup ke hala Laut China Selatan. Hembusan bayu itu rasa nyaman juga menjamah kulitnya yang sudah berkedut-kedut itu. Haji Nadim mendepang tangannya panjang-panjang. Ia mahu angin itu menjamah setiap sudut yang ada di badannya. Dari bawah

ketiaknya, bulu-bulu kasar kelihatan bergayutan dan dari sana juga terhidu olehnya bau asam dan hapak ketiakanya. Namun Haji Nadim senang dengan keadaan itu.

Robiah tiba-tiba menjengah di pintu. Ia sudah tahu, kemarahan suaminya sudah mula menurun. Muka suaminya di pandang dengan ekor matanya. Hatinya rasa puas, suhu marah suaminya sudah kurang dari had bahaya.

“Subar perlu diajar.” Haji Nadim berkata dengan suara melengking. Kemarahan itu seolah-olah ditujukannya pada Robiah isterinya. “Dia perlu diberi kursus.” Haji Nadim menyambung. “Sayang, sayang, ...” Haji Nadim menggeleng-gelengkan kepalanya.

“Usah begitu, Subar tu banyak akal.” Robiah memujuk suaminya.

“Banyak akal?” Haji Nadim hairan. Matanya bulat memandang mata isterinya. Isteri yang bijak itu menjatuhkan pandangannya ke lantai. Ia tidak kuasa menentang pandangan heronya itu.

“Banyak akalkah, tidakkah, aku tidak peduli, yang penting aku mahu belrasah dia dengan semambu.” Air berhamburan keluar dari mulut Haji Nadim yang sudah kurang dua batang gigi itu.

“Takkan sampai begitu sekali, dia tu bukannya lembu. Nak dibelasah-belasah.”

“Aku tahu, tapi dia perlu dibelasah, itu ajaran yang paling mujarab baginya.”

“Eh, nak jadikan dia lembukah?”

“Kalau perlu, begitulah.”

“Jangan, saya tak setuju dengan cara itu. Ada cara lain lagi.”

“Tak ada yang berkesan, cuma semambu itu patut mencecah belakangnya.”

“Pak Haji tak malukah pada orang?”

“Malu, buat apa aku malu. Aku sudah dimalukan. Muka ini sudah berconteng arang, awak tahu tak?”

Robiah berlagak mengalah, suhu marah suaminya naik lagi, hampir melewati had bahaya. Ia diam, mahu cari fikiran



untuk menyedarkan suaminya. Ia tahu suaminya tidak mahu mengalah padanya kali ini. Tanda-tanda untuk mengalah itu belum nampak lagi.

“Kukira Si Subar itu sudah jadi manusia sekarang.” Suara Robiah merendah.

“Jadi manusia, hai, aku tak faham pengertian manusia bagi kau. Bagiku Subar tu bukan manusia lagi, dia sudah jadi lembu. Bodoh tiada pertimbangan. Akalnya mati. Buntu.” Haji Nadim memotong cakap isterinya yang belum habis itu.

“Nantilah dulu, cakapku belum kaudengar.” Robiah rasa tersinggung. Percakapannya dipotong-potong begitu.

“Kalau dia manusia, kita mesti layan dia seperti manusia. Dia punya hak menerima hak kemanusiaannya.” Robiah rapat kepada suaminya.

“Kau berpihak pada Subar, kau nak pertahankan kebiadapannya, kau nak lindungi ia dari amarahku.” Tajam mata Haji Nadim.

“Aku tidak berpihak pada Subar, pun aku tidak berpihak pada kau. Aku mahu menegakkan sifat kemanusiaan, manusia sejagat.” Robiah mula berang.

Haji Nadim agak terperanjat atas fikiran isterinya. Hujah Robiah masuk di akalnya. Tapi dari dasar hatinya terlalu benci ia pada Subar, binatang yang memalukannya itu.

“Subar orang muda. Umurnya belum cukup. Fikirannya masih kanak-kanak lagi. Kita boleh berkeras, tapi sejauh mana kesannya pada Subar. Berapa keras kita, orang muda kalau habis lembut bisa jadi keras macam batu.”

Sekali lagi Haji Nadim mengakui kebenaran fikiran isterinya. Ia kutuk dirinya berfikir secara terburu-buru begitu. Tapi sekejap kemudian fikiran ini hilang disapu kemarahannya pada Subar. Subar begitu sekali momok pada pandangannya. Maruahnyanya akan jatuh kerana sikap dan tindakan Subar.

“Kalau begitu apa aku nak buat?” Sifat mengalah mula nampak di muka Haji Nadim.

Robiah senyum. Ia tahu suaminya boleh meninjau, dari mana mesti dia mula berfikir sekarang. Ia tahu suaminya dah mula menggunakan fikirannya lebih daripada perasaannya.

Memang sekiranya perasaan melebihi fikiran kesudahannya merugikan diri sendiri.

Haji Nadim menarik nafas panjang buat kesekian kalinya. Duduk punggungnya yang terasa kebas itu dipindahkannya. Ia menghadapi isterinya sekarang.

“Kita dianggap sebagai manusia yang terpelajar di kampung Lembah Marudu ini. Kau guru yang bersyarah, aku pun demikian. Kita kedua-duanya golongan guru, kerana kita dari manusia guru, marilah kita lahirkan sifat-sifat keguruan kita itu, supaya ikhtisas guru ini dihargai masyarakat.”

“Tapi manusia tidak lagi menghargai manusia guru sekarang ini. Pada mereka guru adalah manusia biasa sahaja.”

“Pendapat itu salah, ikhtisas guru itu tidak pernah cemar. Yang cemar ialah manusia yang menggunakan topeng guru; guru ialah ibarat baju, elok rupa orang memakainya eloklah rupa baju itu, demikian juga sebaliknya.”

Haji Nadim sedar, perbincangan mereka terpesong daripada perkara besar yang perlu dibicarakan: soal Subar, manusia yang sedang menghangatkan hati jantungnya.

“Aku tidak peduli, sekarang aku bukan guru lagi, aku manusia biasa, guru yang lain pun manusia juga; tahu marah, tahu sakit. Subar memang perlu diajar.”

“Kalau abang manusia, berfikirilah secara manusia pula.”

Haji Nadim bingung. Apakah pada pandangan Robiah dia ini bukan manusia, mana matanya, mana hatinya. Ia memandang muka isterinya lantas bersuara agar kasar.

“Hei, kaufikir aku ini apa, bukan manusiakah?”

“Nanti, aku bukan kata kau bukan manusia, tapi cara abang bertindak macam bukan manusia saja, apakah dengan belalah, dengan ajar, ajar begitu Subar bisa sedar.” Robiah berkata lantang, mata suaminya direnungnya lama-lama.

“Kaaaaaaau berpihak pada Subar barangkali ....”

“Aku tidak berpihak ke mana-mana tapi aku hargai tindakan Subar; aku bangga atas sikap tegasnya. Subar sebenarnya manusia *gentleman*.”

Mata Haji Nadim terbelalak. Ia tidak tahu mengapa Robiah memuji Subar setan itu demikian. Padanya Subar



# CERAH

AMIL JAYA, nama sebenarnya Ismail Abbas, dilahirkan di Kampung Prisan, daerah Kota Belud, Sabah, pada 5 November 1939. Beliau mendapat pendidikan awal di Sabah. Beliau mengikuti kursus perguruan di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur dan Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim. Mulai tahun 1971 beliau menjadi penyarah bahasa Malaysia di Maktab Perguruan Gaya, Kota Kinabalu. Pernah bertugas dengan Biro Kesusasteraan Borneo Cawangan Sabah dan Biro Bahasa di Jabatan Ketua Menteri Sabah. Kini bertugas sebagai Timbalan Pengarah DBP Cawangan Sabah.

Amil Jaya mula menulis sejak tahun 1958. Cerpen-cerpennya pernah diterbitkan dalam antologi *Haram* (1970) bersama penulis Sabah lainnya. *Cerah*, telah memenangi hadiah kedua sayembara menulis novel anjuran Badan Bahasa Sabah (BAHASA) tahun 1973. Novel ini mengisahkan pertentangan golongan tua dengan golongan muda mengenai agama dan status dalam perkahwinan di kalangan suku-suku kaum di Sabah.